



## KENYATAAN MEDIA

### PERKESO DAN YIM JALIN KERJASAMA TINGKAT PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

**PUTRAJAYA – Kementerian Sumber Manusia (KSM)** menerusi agensinya, **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** dan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** menerusi agensinya, **Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)** hari ini memeterai kerjasama strategik yang bakal memberi manfaat kepada pencarum PERKESO daripada kalangan B40 untuk meningkatkan sosio-ekonomi mereka melalui penciptaan produk inovasi. Ini termasuklah sebagai contoh sebarang projek reka cipta peralatan, modifikasi aspek pekerjaan, serta pelbagai aspek lain dalam memudahkan peserta RTW dan golongan sasaran untuk kembali bekerja dengan mudah dan selamat.

Menerusi kerjasama ini, PERKESO dan YIM akan memperkasakan penggunaan teknologi untuk pembangunan inovasi dan reka cipta dalam Program Return to Work (RTW), sekaligus menyumbang ke arah pengurusan hilang upaya yang lebih efisien dan efektif.

Kerjasama ini dimeterai menerusi satu Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani oleh Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO, John Riba Marin dan Ketua Pegawai Eksekutif YIM, Sharmila Mohamed Salleh, dalam satu majlis pagi tadi. Hadir menyaksikan Majlis Menandatangani MoU tersebut adalah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Sri Dr. Adham Baba; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan; Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Zainal Abidin Abu Hassan dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa) KSM, Maniam Arumugam.

Menerusi kerjasama ini juga, YIM akan turut menyediakan kemudahan geran yang memfokuskan kepada kelangsungan proses untuk membangunkan produk-produk inovasi dan reka cipta dalam kalangan peserta program RTW agar manfaat daripada bantuan ini dapat dinikmati secara berterusan dan komprehensif.

Menerusi kerjasama ini juga, satu garis panduan pengurusan reka cipta dan inovasi program RTW akan dibangunkan agar peserta program dan golongan pekerja amnya dapat menerima manfaat ke arah persekitaran pekerjaan yang kondusif dan selamat untuk jangka masa panjang sama ada pekerjaan dalam sektor formal ataupun bekerja sendiri. Selari dengan keperluan zaman, penggunaan teknologi melalui pendekatan inovasi dan reka cipta juga dilihat sebagai pilihan yang tepat untuk memudahkan para peserta program RTW untuk kembali ke alam pekerjaan dengan lancar.

Terdahulu, PERKESO telah menganjurkan satu Pertandingan Inovasi dan Rekacipta (IRC) yang mana YIM telah terlibat sebagai juru runding serta juri untuk memilih para pemenang. Pertandingan tersebut berjaya mencungkil idea inovasi daripada para peserta yang berpotensi untuk dikomersialkan, sekaligus dapat membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi negara. Di sinilah bermulanya perbincangan lanjut antara PERKESO dan YIM untuk bekerjasama dalam meneruskan usaha memperkasa penciptaan produk inovasi dan reka cipta dalam pengurusan hilang upaya yang lebih berkesan.

PERKESO sentiasa berusaha untuk membantu pencarum yang hilang upaya akibat kemalangan atau penyakit untuk kembali berdikari dan bekerja semula melalui penyediaan perkhidmatan pemulihan fizikal dan vokasional yang sistematik dan menyeluruh di bawah program RTW. Pada masa yang sama, YIM akan terus memberi memastikan kreativiti dan inovasi terus berkembang dan seterusnya memberi manfaat kepada Keluarga Malaysia.

**Dikeluarkan oleh**  
**Bahagian Komunikasi Strategik, PERKESO dan**  
**Divisyen Komunikasi Korporat, Yayasan Inovasi Malaysia**

**10 JANUARI 2022**

---

**Mengenai PERKESO:**

*Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800). Konsep Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO adalah berteraskan konsep tanggungjawab bersama menerusi sumber terkumpul, perkongsian risiko dan penggantian pendapatan.*

*Sejak pandemik melanda negara pada tahun 2020, PERKESO telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif kerajaan di bawah beberapa Pakej Rangsangan Kerajaan seperti PRIHATIN, PENJANA, KITA PRIHATIN, BELANJAWAN 2021 PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+. PERKESO kini sedang melaksanakan bantuan kerajaan yang telah ditambah baik di bawah peruntukan Bajet 2022 menerusi program seperti SIP Subsidi Upah Bersasar, SIP EMP+, SPS Padanan Caruman, SPS Khidmat, JaminKerja dan SIP Gig.*

**Mengenai Yayasan Inovasi Malaysia:**

*YIM ialah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah ditubuhkan pada tahun 2008 bertujuan untuk membudayakan kreativiti dan inovasi sosial di peringkat akar umbi dan kumpulan B40, termasuklah pelajar-pelajar sekolah, golongan belia, wanita, penduduk luar bandar, orang kurang upaya dan badan-badan bukan kerajaan. YIM bertindak menjelaki, membangun*

*dan memadankan dana pembangunan inovasi dengan rangkaian lebih 5,000 inovator di seluruh negara untuk menggalakkan pembangunan, pembudayaan dan penggunaan inovasi sosial bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat.*

**UNTUK PERTANYAAN MEDIA, SILA HUBUNGI:**

**PERKESO**

Mohamad Shafiq Adnan | [shafiq.adnan@perkeso.gov.my](mailto:shafiq.adnan@perkeso.gov.my) | +60183246720

**Yayasan Inovasi Malaysia**

Khairul Anuar Muhamad Noh | [khairul@yim.my](mailto:khairul@yim.my) | +6013 3957650